

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
SHANGRI-LA, TANJUNG ARU RESORT, KOTA KINABALU, SABAH  
MAJLIS AMAL WANITA SABAH (PEWASA  
18 DISEMBER 1996**

1. Saya ucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah KurniaNya juga kita semua dapat berjumpa pada petang ini. Saya juga ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pertubuhan Wanita Sabah yang telah sudi menjemput saya untuk menjadi tetamu kehormat di dalam majlis yang dianjurkan. Ini adalah julung-julung kalinya saya dapat bertemu dengan kumpulanwanita yang terbesar di Sabah.

2. Saya difahamkan majlis pada petang ini bertujuan bagi membantu tabung Pertubuhan Wanita Sabah yang akan membangunkan sebuah pusat perkembangan aktiviti pertubuhan ini.

3. Saya difahamkan Pertubuhan Wanita Sabah atau dengan nama ringkasnya PEWASA hari ini mempunyai lebih 4,000 orang ahli dan 62 cawangan dan adalah ahli gabungan NCWO (National Council of Women's Organisation Malaysia) dan juga di peringkat antarabangsa ahli ACWW (Associated Country Women of the World) yang berpusat di London.

4. Bagi sesebuah pertubuhan yang wujud lebih daripada 15 tahun dan terletak di kawasan yang jauh daripada pusat bandaraya Kuala Lumpur usaha murni ini sudah tentu akan dapat membantu meningkatkan kesedaran wanita di dalam proses pembangunan negara.

5. Lebih 50 peratus penduduk Malaysia hari ini terdiri daripada kaum wanita. Sumber tenaga yang begitu besar adalah penting kepada kejayaan yang sedang dinikmati oleh negara kita. Malaysia adalah satu-satunya negara yang telah berjaya dalam banyak memberikan tempat yang wajar kepada wanitanya. Kerana itu negara kita telah dapat membangun dengan jayanya dalam pelbagai bidang.

6. Ini termasuk dalam bidang pentadbiran, ekonomi, pembangunan, politik, teknologi tinggi dan baru-baru ini kita sedang mengorak langkah untuk menjadikan pendidikan sebagai salah satu daripada pengeluarannegara kita.

7. Di bidang antarabangsa pula negara kita mempunyai hubungan yang rapat dengan negara-negara maju, dengan Asia Timur dan dengan negara di kawasan Selatan-Selatan. Kita memahami politik dan budaya antarabangsa. Kekuatan diplomasi kita diterima serta mendapat penghormatan dunia. Anak Malaysia hari ini berjaya menjadi Presiden Bangsa-Bangsa Bersatu, satu kedudukan yang sebelum ini belum pernah disandang oleh anak Asia. Negara kita juga memainkan peranan yang penting untuk membantu menyelesaikan konflik kawasan-kawasan yang hari ini menghadapi peperangan sesama sendiri atau jiran. Kita bukan sahaja dilihat sebagai berjaya tetapi kejayaan kita telah diukur dari mutu kejayaan itu sendiri. Disebabkan kejayaan ini

Malaysia hari ini menjadi negara yang dianggap 'role model' kepada negara-negara Selatan-Selatan. Nama Malaysia hari ini harum.

8. Sebenarnya tidak banyak perbezaan antara negara-negara yang muncul selepas perang dunia kedua. Mereka juga baru mencapai kemerdekaan hampir sama masanya dengan negara kita mencapai kemerdekaan. Mereka juga mengamalkan sistem pentadbiran yang diwarisi dari penjajah mereka. Politik, system sosial dan ekonomi mereka juga melalui proses perubahan yang hampir sama dengan kita dan matlamat pembangunan mereka juga adalah bertujuan untuk memajukan rakyat dan negara mereka.

9. Kita rasa bersyukur kerana masalah yang dihadapi oleh negara kita hari ini lebih berbentuk kepada cemburu di atas kejayaan negara kita. Sementara sesetengah negara dikecam kerana menghadapi masalah kehidupan dan Kerajaan kita dikecam kerana kita berjaya.

10. Persoalan yang bakal dihadapi oleh kita hari ini ialah sama ada kita mampu mempertahankan kejayaan negara kita yang telah dapat meningkatkan mutu kehidupan rakyat.

11. Sebab itu kita hendaklah memberikan perhatian yang lebih kepada peranan wanita itu sendiri supaya memperkuat institusi keluarga kita. Sama ada kita sebagai seorang isteri yang mempunyai peranan yang besar di rumah terhadap seorang suami ataupun sebagai seorang ibu yang bertanggungjawab ke atas anak-anak, mahupun sebagai seorang wanita yang bekerja, peranan kita sebagai wanita tetap penting dan diperlukan oleh negara.

12. Wanita mempunyai pengaruh yang besar di dalam membentuk moral hidup sesebuah masyarakat. Ini adalah kerana wanita sebagai seorang ibu adalah orang yang paling terdekat dengan anak-anak dan mempunyai pengaruh yang kuat kepada mereka daripada semenjak kelahiran sehingga mereka dewasa.

13. Oleh itu amat penting juga bagi kaum wanita itu sendiri meningkatkan ilmu pengetahuan mereka sambil disulami dengan keimanan dan kebudayaan supaya mereka dapat mendidik anak-anak dan mengawal mereka daripada terlibat dengan masalah-masalah masyarakat.

14. Begitu juga halnya peranan wanita terhadap suami. Mereka juga mempunyai tanggungjawab untuk membantu suami dan menjadi isteri yang disegani oleh suami melalui sifat-sifat lemah lembut, penyabar dan sebagai seorang wanita yang ayu dalam segala gerak geri mereka di samping suami, mahu pun ketika suami mereka tidak ada di rumah.

15. Begitu pentingnya peranan isteri kepada suami sehingga ia menjadi orang sokongan yang kuat dan setia di atas segala kegiatan suami yang berusaha untuk membawa pulang rezeki yang halal kepada keluarga mereka.

16. Wanita yang tidak terlibat dengan tanggungjawab kekeluargaan juga perlu meningkatkan pendidikan dan pengetahuan mereka supaya mereka dapat membantu usaha Kerajaan di dalam hal-hal yang boleh membawa kepada kemajuan negara.

17. Tiap-tiap seorang daripada kita kalangan wanita adalah penting kepada negara kita. Lebih-lebih lagi sebagai sebuah negara yang telah dilihat sebagai negara contoh kita perlu mendekati diri dengan apa juga perubahan yang akan dilalui oleh negara kita. Di bahu wanitalah terletak tanggungjawab untuk membantu negara kita supaya mencapai kualiti hidup yang tinggi dan nasib kita akan terus terjamin sehingga sampai ke matlamat wawasan negara kita.

18. Saya harap dengan tertubuhnya sebuah pusat bagi kegiatan wanita melalui sumbangan yang telah diberikan dari semua pihak, mudah-mudahan ia akan menjadi contoh kepada Pergerakan-pergerakan wanita yang lain serta dapat menanamkan semangat kesedaran kepada mereka di dalam usaha untuk meningkatkan kemajuan wanita itu sendiri sebagai penyumbang yang berkualiti kepada keperluan negara kita.

19. Saya ucapkan syabas kepada PEWASA yang telah dapat menganjurkan majlis ini dengan baik. Saya juga ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada para dermawan yang telah turut membantu menjayakan matlamat wanita di negeri ini di bawah anjuran NGO seperti PEWASA.

20. Saya doakan mudah-mudahan majlis ini mencapai hasrat yang dikehendaki dan dengan harapan itu saya dengan sukacitanya merasmikan majlis kita pada petang ini.